



Manakala, Webinar 3/2022 *Mental & Emotional Well-Being Program Let's Talk With Counsellor* telah diadakan pada 10 Jun 2022.

Penceramah Siri webinar kali ini ialah Puan Nurhadaina Hani Zaharin, Pegawai Psikologi dari Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

Moderator pula adalah saudari Nur Insyirah binti Nordin, merangkap Ketua Jabatan Kebajikan Mahasiswa, Sekretariat Mahasiswa Fakulti FSG UiTM Shah Alam. Seramai 62 orang pelajar telah menyertai siri webinar 3/2022 ini.



Pada 24 Jun 2022, Pusat Kerjaya dan Kaunseling dengan Kerjasama Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Siri Webinar 4/2022 *Mental & Emotional Well-Being Program Dialog Kaunselor Bersama Pelajar*.

Program ini telah disertai oleh 63 orang peserta dan ceramah telah disampaikan oleh Puan Nur Farahzawanah Ali ^{KB.PA.}, Pegawai Psikologi Kanan PKK dan dibantu oleh moderator Saudari Cik Wan Noor Syafiqah Binti Adek Wan Md Yusoff, MPP KPSK UiTM Shah Alam.

Program ini memberi pendedahan dan pengetahuan tentang konsep memperkasakan diri untuk kesejahteraan mental dan emosi serta meningkatkan keyakinan pelajar akan kemampuan diri dalam mengendalikan hidup yang lebih produktif dan positif.



PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

 03 - 5544 2630/2379/3211/3496
 pkk@uitm.edu.my